

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

SBP310 - Keadah-Kaedah Penyelidikan Pembangunan

Masa: { 3 jam }

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** (4) soalan dari soalan-soalan berikut. Semua soalan mempunyai nilaiang yang sama.

1. Bincangkan mengapa perlu dijalankan persampelan dalam penyelidikan tinjauan. Terangkan dengan jelas berbagai teknik yang boleh digunakan bagi mendapatkan sampel dari populasi yang perlu dikaji.

(100 markah)

2. Bandingkan kaedah tinjauan dengan kaedah yang tidak menonjol seperti penyelidikan arkib. Buat perbandingan dari segi kekuatan dan kelemahan mereka dalam menghasilkan data-data yang boleh dipercayai, sah dan mampu diperlazimkan.

(100 markah)

3. Apakah sumbangan kaedah seperti pendekatan Sejarah Hidup kepada pemahaman dan interpretasi realiti sosial?

(100 markah)

4. Pilih satu tajuk penyelidikan yang sesuai dan terangkan proses-proses bagi menggunakan kaedah tinjauan dalam penyelidikan ini. Bincangkan proses di atas dari peringkat menentukan masalah sehingga cara pembentangan data.

(100 markah)

5. Bagaimanakah penyelidikan boleh digunakan sebagai alat tindakan sosial?

(100 markah)

6. Bincangkan sumbangan penyelidikan tindakan kepada perkembangan ilmu sains sosial.

(100 markah)

7. Terangkan kepentingan penyelidikan penilaian dalam pentadbiran, perancangan dan gerakan pembangunan. Apakah beberapa contoh pendekatan penilaian yang boleh digunakan dalam setiap satu keadaan di atas?

(100 markah)

- oo oOo oo -